



FAKULTI SENI GUNAAN DAN KREATIF

PENGURUSAN PAKAIAN TRADISIONAL KAUM BIDAYUH DI DAERAH BAU

HERSY NOVEELIA ANAK HENRY

Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2014

**PENGURUSAN PAKAIAN TRADISIONAL KAUM BIDAYUH DI DAERAH
BAU, SARAWAK**

HERSY NOVEELIA ANAK HENRY

30368

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
2014

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (√)

Final Year Project Report

Masters

PhD

DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the17.....day of.....June.....2014.

Student's Declaration:

IHERSY NOVEELIA ANAK HENRY, 30368, FACULTY OF APPLIED & CREATIVE ARTS..... (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitledPENGURUSAN PAKAIAN TRADISIONAL KAUM BIDAYUH DI DAERAH BAU, SARAWAK..... is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

_____ Date submitted

HERSY NOVEELIA ANAK HENRY (30368) Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

IDR. ANNA DURIN..... (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitledPENGURUSAN PAKAIAN TRADISIONAL KAUM BIDAYUH DI DAERAH BAU, SARAWAK..... (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment ofBACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOURS (ARTS MANAGEMENT)..... (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by:DR. ANNA DURIN..... (Name of the supervisor)

Date: _____

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (√)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
- RESTRICTED** (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
- OPEN ACCESS**

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirmed with free consent and willingness declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:

- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature _____
(2014)

Supervisor signature: _____
(2014)

Current Address:

D/A PUAN HAPPI MUNGA, SK SEGONG SINGAI BAU, SARAWAK

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “Pengurusan Pakaian Tradisional Kaum Bidayuh di Daerah Bau, Sarawak” telah disediakan oleh Hersy Noveelia anak Henry dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Fakulti Seni Gunaan dengan Kepujian (Pengurusan Seni).

Diterima untuk diperiksa oleh:

Dr. Anna Durin

Penyelia Program Pengurusan Seni

Tarikh: _____

Pengakuan

Saya mengaku bahawa tiada bahagian daripada penyelidikan dalam hasil penulisan ilmiah/tesis ini telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk sesuatu ijazah atau kelulusan samada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi yang lain.

(HERSY NOVEELIA ANAK HENRY)

30368

Penghargaan

Terlebih dahulu, saya ingin bersyukur kepada Tuhan atas berkat-Nya saya telah berjaya menyiapkan kajian ini dengan jayanya. Tanpa keberkatan dan segala sifat kesabaran dan kekuatan serta kesihatan yang baik yang Tuhan berikan, tidak mungkin saya mampu melaksanakan kajian ini dengan sempurna.

Dengan kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua-dua ibu bapa saya yang telah banyak membantu saya dari segi sokongan moral, doa, masa dan sumber kewangan sepanjang saya menjalankan kajian ini dan pengajian saya di UNIMAS. Tidak lupa juga kepada adik-beradik saya yang menyokong dan memberi semangat kepada saya sehingga saya berjaya menamatkan pengajian saya. Jasa dan pengorbanan mereka sangat saya hargai. Begitu juga kepada ahli-ahli keluarga saya yang lain, terima kasih saya ucapkan kepada kalian.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan khas kepada supervisor saya, Dr. Anna Durin iaitu salah seorang pensyarah Program Pengurusan Seni, FSGK yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar dan sokongan moral kepada saya sepanjang saya menjalankan kajian ini. Tanpa dorongan dan nasihat daripada beliau tidak mungkin saya mampu menyiapkan kajian ini

Akhir sekali, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada informan-informan yang telah ditemu bual iaitu Puan Noorhayati, Puan Jones dan Puan Metek yang telah banyak memberi kerjasama dalam menyiapkan kajian ini. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan kajian ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih atas sokongan dan kerjasama yang diberikan. Segala tunjuk ajar dan sokongan sangat berharga buat saya dan tidak akan dilupakan sampai bila-bila. Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat sepanjang saya menjalankan kajian ini.

Sekian, terima kasih.

Isi Kandungan

Kandungan	Muka Surat
Halaman Tajuk	
Borang Pengesahan	
Pengakuan	I-11
Penghargaan	1-2
Isi Kandungan	3-5
Abstrak	6
<i>Abstract</i>	7
Bab Satu: Pengenalan Kepada Kajian	
Pengenalan	8-10
Latar Belakang Kajian	10-11
Hipotesis	12
Permasalahan Kajian	12-13
Objektif Kajian	13
Soalan Kajian	13-14

Lokasi Kajian	14
Kerangka Kajian	15-24
Kepentingan Kajian	25
Skop Kajian	25
Rumusan	26
Bab 2: Sorotan Kesusasteraan	
Pengenalan	27
Kandungan Umum	28-35
Kesimpulan	36
Bab 3: Metodologi Kajian	
Pengenalan	37-39
Lokasi Kajian	40
Sumber Data	41-42
Limitasi Kajian	43
Rumusan	44

Bab 4: Dapatan Kajian

Pengenalan	45-46
Penganalisaan Data	
• Kaedah Kualitatif	47-81
Kesimpulan	82

Bab 5: Cadangan Dan Rumusan Kajian

Pengenalan	83
Rumusan	84-85
Cadangan	86-87
Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	88
Kesimpulan	89-92
Rujukan	93-94
Lampiran	95-97

Abstrak

Kajian ini adalah mengenai pengurusan pakaian tradisional Kaum Bidayuh di Daerah Bau. Tujuan kajian ini ialah mengenalpasti konsep dan pengurusan pakaian tradisional kaum Bidayuh di Daerah Bau. Perkara yang dikaji adalah yang berkaitan dengan individu/pakar pembuat pakaian, jenis pakaian, warna pakaian, fungsi pakaian, aksesori atau perhiasan pakaian, material yang digunakan dan pemakai/pembeli pakaian tradisional tersebut. Selain itu, tujuan kajian ialah mengkaji sistem pengurusan pakaian tradisional di Daerah Bau yang berkenaan dengan konsep campuran pemasaran 4P iaitu produk (*product*), harga (*price*), promosi (*promotion*) dan tempat (*place*) yang terdapat di Daerah Bau, Sarawak. Kajian ini dijalankan dengan dengan kaedah kualitatif iaitu berdasarkan pemerhatian, temu bual dan dokumentasi. Dapatan kajian telah mendapati bahawa pengurusan pakaian tradisional Kaum Bidayuh di Daerah Bau yang melibatkan campuran pemasaran 4P iaitu produk (*product*), harga (*price*), promosi (*promotion*) dan tempat (*place*) adalah hampir sama dijalankan oleh pakar-pakar pakaian tradisional tersebut. Konsep pakaian tradisional yang melibatkan jenis pakaian, warna pakaian, aksesori atau perhiasan pakaian, material yang digunakan, fungsi pakaian dan pemakai/pembeli pakaian juga sudah terjawab.

Abstract

This research is about the management of traditional Bidayuh costumes at Bau District. The purpose of this research is to identify the concept and management of traditional Bidayuh costumes at Bau District. The research is related to the individual/specialist clothing manufacturer (tailor), type of clothing, color of clothing, functional clothing, accessories or jewelry dress, the material used and the user/purchaser of the traditional costumes. Moreover, it is also to review the management systems of traditional Bidayuh costumes in Bau District regarding to the concept of the marketing mix 4P- product, price, promotion and place. This research was conducted with qualitative methods based on observation, interview and documentation. The findings has found that the management of traditional Bidayuh costume in Bau District which involves the product of marketing mix; product, price, promotion and place is almost the same run by the experts of the Bidayuh traditional costume. The concept of traditional costume that involve different types of clothing, colour of clothing, accessories or jewellery dress, the material used, the function of clothes and the user/purchaser also have already been answered.

Bab 1 Pendahuluan

Pengenalan

Kajian ini adalah berkenaan dengan pakaian tradisional Kaum Bidayuh di Daerah Bau, Sarawak. Perkara yang akan disentuh adalah berkaitan dengan pengurusan pakaian tradisional kaum tersebut. Kaum Bidayuh merupakan masyarakat yang mendiami kawasan barat daya Sarawak terutamanya Bahagian Serian, Kuching dan di barat Kalimantan. Mereka terdiri daripada empat pecahan etnik iaitu Selakau/Lara iaitu di Daerah Lundu, Jagoi dan Singai di Daerah Bau, Biatah yang mendiami Daerah Kecil Padawan dan Bukar serta Sadong iaitu di Daerah Serian. Selain empat etnik yang telah dinyatakan, Kaum Bidayuh turut termasuk Kuching Tengah, Bidayuh Baru dan Bidayuh Moden yang mendiami kawasan tengah antara Daerah Padawan dengan Bau. Setiap daripada pecahan etnik Bidayuh mempunyai keunikan tersendiri dan salah satunya adalah menerusi pakaian tradisional. Kajian ini menfokuskan kepada pengurusan pakaian tradisional Kaum Bidayuh di Daerah Bau.

Seperti juga kaum lain yang terdapat di Sarawak, kaum Bidayuh boleh dikategorikan kepada sejenis kaum yang unik yang wujud di Borneo. Begitu ramai yang cuba menyelidik mengenai kaum Bidayuh dari segi lokasi mahupun tempat tinggal, bahasa, warisan, agama dan kepercayaan serta banyak lagi.

Menurut Maruwiyah Ahmat dalam artikelnya (Jun 24; 2012), Malaysia mempunyai pelbagai jenis kain dan pakaian tradisional yang berbagai bentuk dan warna. Tidak dinafikan bahawa negara kita kaya dengan warisan budaya pelbagai kaum. Negeri Sarawak terutamanya, terdapat banyak kaum dan etnik yang mempunyai keunikan yang tersendiri.

Antara kaum yang terdapat di Sarawak adalah seperti Kaum Iban, Bidayuh, Melanau, Orang Ulu, Murut, Kiput dan banyak lagi. Masing-masing kaum mempunyai lambang budaya yang sangat unik dan menarik. Salah satunya adakah pakaian tradisional. Seperti kaum-kaum lain yang terdapat di Sarawak, Kaum Bidayuh turut mempunyai pakaian tradisional yang mempunyai unsur pemakaiannya yang tersendiri. Keindahan pakaian kaum etnik dari Sarawak terserlah dengan ragam hias yang mempamerkan kemahiran tangan yang menghasilkannya. Ragam hias pada pakaian membentuk motif-motif etnik sama ada dari tenunan, jalinan manik dan labuci. Perhiasan diri dari perak dan manik yang sarat melambangkan status dan kekayaan bagi pemakainya. Di sini diketengahkan pakaian tradisional etnik utama di Sarawak, iaitu kaum Bidayuh di Daerah Bau, Sarawak.

Pakaian tradisional kaum-kaum yang terdapat di Sarawak boleh dinyatakan sebagai busana Sarawak. Busana merupakan segala sesuatu yang dipakai dari hujung rambut sehingga ke hujung kaki. Busana menjadi pelengkap kepada sesuatu pakaian termasuklah aksesori dan tata riasnya. Dalam erti kata lain, pakaian tradisional kaum-kaum yang terdapat di Sarawak yang lengkap melibatkan aksesori-aksesori yang

tersendiri. Busana yang dipakai dapat mencerminkan keperibadian dan status si pemakai. Selain itu, busana tersebut juga dapat menyampaikan pesan atau imej kepada orang yang melihatnya. Sebagai contoh, pakaian tradisional kaum-kaum yang terdapat di Sarawak adalah berbeza antara satu sama lain. Untuk itu, dalam menyiapkan dan mempamerkan sesuatu busana Sarawak bukanlah sesuatu yang mudah. Banyak hal yang perlu diperhatikan dan dipertimbangkan sehingga memperoleh busana yang serasi, indan dan menarik. Busana Sarawak turut melambangkan kebudayaan Sarawak yang pelbagai.

Latar Belakang Kajian

Kajian yang akan dijalankan adalah pengurusan pakaian tradisional kaum Bidayuh di Daerah Bau, Sarawak. Kaum Bidayuh di Sarawak memiliki pakaian tradisional yang cukup unik dari segi sulamannya dan merupakan simbolik kepada masyarakat Bidayuh. Pakaian lelaki Bidayuh melibatkan baju dan seluar dari satin dihiasi pita merah dan putih. Bahagian luar memakai jipo Boyuh dari kulit kayu dan kalung gigi beruang. Manakala wanita Bidayuh menggayakan baju jipo pendek dan skirt bidang fabrik satin rona hitam berhias selempang merah perhiasan pinggang daripada syiling perak. Perhiasan kepalanya ialah sipiah dari tiga warna hitam, merah dan putih berhias manik, labuci dan syiling perak.

Terdapat beberapa masyarakat Bidayuh yang tinggal di Daerah Bau yang menghasilkan tenunan pakaian tradisional Kaum Bidayuh. Ini merupakan salah satu aktiviti harian yang memberikan hasil yang lumayan kepada mereka kerana sepasang pakaian tradisional tersebut memakan belanja lebih kurang beratus-ratus ringgit terutama pakaian tradisional kaum wanita Bidayuh kerana perhiasannya adalah lebih padat berbanding kaum lelaki.

Perkara yang dikaji adalah mengenai konsep pakaian tradisional kaum Bidayuh di Daerah Bau yang melibatkan beberapa perkara yang perlu dititikberatkan seperti jenis-jenis pakaian tersebut seperti pakaian lelaki, pakaian wanita dan kanak-kanak, warna pakaian, aksesori atau perhiasan pakaian, material yang digunakan, fungsi pakaian, siapa pembuat pakaian tersebut dan pemakai/pembeli pakaian tradisional.

Setiap aktiviti yang melibatkan kesenian pasti ada cara pengurusannya, tidak terkecuali pakaian tradisional kaum Bidayuh di Daerah Bau. Perkara kedua yang akan dikaji ialah pengurusan pakaian tradisional kaum Bidayuh di Daerah Bau yang melibatkan konsep campuran pemasaran 4P iaitu produk (*product*), harga (*price*), promosi (*promotion*) dan tempat (*place*). Oleh itu, pengkaji perlu mencari pakar dalam pengurusan pakaian tradisional kaum Bidayuh untuk mendapatkan lebih banyak informasi yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

Hipotesis

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, kajian membuktikan bahawa pakaian tradisional Kaum Bidayuh mempunyai konsep dan pengurusan yang tersendiri. Cara pengurusan pakaian tradisional Kaum Bidayuh adalah melibatkan konsep campuran pemasaran 4P yang berkaitan dengan produk (*product*), harga (*price*), promosi (*promotion*) dan tempat (*place*). Pakaian tradisional merupakan simbolik kepada setiap kaum yang ada di Malaysia.

Permasalahan Kajian

Pakaian tradisional kaum Bidayuh pada masa kini masih dititikberatkan dan terdapat beberapa individu yang masih menghasilkan pakaian tersebut untuk kegunaan masyarakat Bidayuh iaitu di Daerah Bau, Sarawak. Setiap individu yang berkenaan mempunyai sistem pengurusan yang hampir sama dalam memajukan penghasilan pakaian tradisi tersebut. Isu kajian ialah mengenai konsep pakaian tradisional tersebut yang ada dalam perkara seperti yang berkaitan dengan jenis pakaian, warna pakaian, aksesori atau perhiasan pakaian, material yang digunakan, fungsi pakaian, siapa pembuat pakaian tersebut dan pemakai/pembeli pakaian tradisional pakaian tersebut di samping menitikberatkan pengurusannya yang melibatkan konsep campuran pemasaran 4P iaitu produk (*product*), harga (*price*), promosi (*promotion*) dan tempat (*place*).

Objektif Kajian

- (a) Mengenalpasti konsep pakaian tradisional kaum Bidayuh di Daerah Bau.

(Perkara yang dikaji adalah berkaitan dengan individu/pakar pembuat pakaian, jenis pakaian, warna pakaian, fungsi pakaian, aksesori atau perhiasan pakaian, material yang digunakan dan pemakai/pembeli pakaian)

- (b) Mengkaji sistem pengurusan pakaian tradisional di Daerah Bau yang berkenaan dengan konsep campuran pemasaran 4P iaitu produk (*product*), harga (*price*), promosi (*promotion*) dan tempat (*place*).

(Produk yang dimaksudkan adalah pakaian tradisional kaum Bidayuh dan pameran yang diadakan untuk menarik minat pelanggan, manakala harga melibatkan nilai penjualan dan sejumlah wang yang telah ditetapkan bagi setiap pakaian tradisional tersebut. Promosi adalah berkaitan dengan cara individu/pakar pakaian tradisional tersebut memperkenalkan pakaian tradisional terhadap masyarakat serta tempat merujuk kepada lokasi yang dipilih di mana individu tersebut menghasilkan dan mendapat sumber pendapatan melalui pakaian tradisional kaum Bidayuh)

Soalan Kajian

Kajian ini memerlukan beberapa soalan yang boleh membantu dalam menyelesaikan masalah kajian dan juga dalam membantu mencapai objektif kajian.

- (a) Apakah konsep pakaian yang berkaitan dengan jenis, warna, aksesori atau perhiasan pakaian, material yang digunakan, fungsi pakaian, pembuat pakaian dan pemakai/pembeli pakaian tradisional kaum Bidayuh di Daerah Bau Sarawak?
- (b) Bagaimanakah sistem pengurusan pakaian tradisional kaum Bidayuh di Daerah Bau?
- (c) Bagaimanakah cara yang efektif bagi memelihara dan mengekalkan pakaian tradisional kaum Bidayuh agar tidak luput ditelan zaman?

Lokasi Kajian

Pengkaji memilih kawasan Daerah Bau iaitu di Pekan Bau sebagai tempat kajian kerana pengkaji berasal dari daerah yang sama. Di situ juga terdapat masyarakat Bidayuh Jagoi mahupun Singai yang gemar dan masih aktif menghasilkan pakaian tradisional kaum mereka sendiri. Perkara tersebut sudah semestinya membuktikan bahawa mereka lebih arif dan tahu mengenai konsep pakaian tradisional kaum Bidayuh dan pengurusan dalam menghasilkan pakaian tradisional. Selain sebagai hobi, pakaian tradisional tersebut akan dijual dengan harga yang berpatutan.

Kerangka Kajian

Kerangka kerja yang digunakan dalam kajian ini ialah konseptual terkini yang diambil daripada pendapat-pendapat pengkaji masa lampau atau masa lepas. Konsep teori tersebut ialah berkaitan dengan pengurusan kesenian seperti tajuk yang dipilih pengkaji iaitu pengurusan berkaitan pakaian tradisional kaum Bidayuh. Oleh yang demikian, konsep yang dipilih adalah sangat sesuai digunakan sebagai panduan untuk membantu dalam penyelesaian permasalahan kajian dan seterusnya untuk membantu mencapai objektif-objektif kajian. Beberapa perkara mengenai pengurusan yang berkaitan dengan kajian akan dibincangkan di bawah ini seperti pengurusan, fungsi sesuatu organisasi, pemasaran, kewangan dan sumber manusia.

Maksud Pengurus

Menurut William J. Byner dalam penulisannya pada *Management and the arts, 3rd edition* (2003), beliau berkata bahawa seorang pengurus merupakan orang yang bertanggungjawab bagi prestasi kerja seseorang. Menurut beliau lagi, tugas asas pengurus ialah untuk menguruskan sumber manusia dan bahan-bahan untuk membantu organisasi mencapai matlamat dan objektif yang dinyatakan. Dengan definisi ini, seorang pengarah, pengurus pentas, pereka lampu, konduktor, koreografer, dan kurator adalah semua pengurus. Butir-butir kerja penerangan mereka mungkin berbeza, tetapi tanggungjawab untuk mengurus dan mendapatkan orang lain untuk melakukan sesuatu pekerjaan adalah sama. Kemahiran kepimpinan

diperlukan bagi mengarahkan orang lain untuk mencapai kerja-kerja yang perlu dilakukan secara berkesan.

Maksud pengurus bagi Don Hellriegel, Susan E. Jackson and W Slocum Jr. (2002) dalam buku berjudul *Management: A Competency- Based Approach* edisi ke-9, pengurus adalah orang yang merancang, menganjurkan, mengarahkan, dan mengawal peruntukan manusia, bahan, kewangan, dan sumber-sumber maklumat dalam usaha mencapai matlamat organisasi. Pengurusan-orang sering merujuk kepada pihak pengurusan sebagai satu kumpulan pengurus dalam sesebuah organisasi. Sebagai contoh, Ketua Pegawai Eksekutif dan lain-lain eksekutif peringkat tinggi sering dirujuk sebagai pengurusan pertengahan, dan sebagainya.

William J. Byner menegaskan bahawa pengurus berfungsi dalam sesebuah organisasi, yang telah ditakrifkan sebagai "koleksi orang yang bekerja bersama-sama dalam pembahagian tenaga pekerja untuk mencapai maksud tujuan yang sama." Definisi ini sudah tentu menggambarkan cara kita pergi tentang membuat dan menyampaikan produk seni dalam dunia kita.

Dalam pernyataan beliau, dalam mana-mana organisasi, terdapat pelbagai peringkat pengurusan dan jenis pengurus. Biasanya, organisasi mempunyai peringkat operasi, pengurusan, dan strategik pengurusan, kakitangan, fungsi, dan pengurus besar atau pentadbir.

Maksud Pengurusan

Dalam buku berjudul *Management Concepts & Practices 5th Edition* oleh Tim Hannagan (2008), Pearce dan Robinson, 1998 menyatakan bahawa pengurusan pula boleh digambarkan sebagai 'proses mengoptimumkan manusia, sumbangan kewangan dan material untuk mencapai matlamat organisasi'. Parker Follet, 1941 dalam buku *Management Concepts & Practices 5th Edition* berpendapat bahawa peranan pengurusan adalah mendapatkan perkara yang dilakukan oleh orang lain. Pengurus diberitahu bahawa tiada apa yang salah dengan strategi; masalah ini adalah bahawa mereka tidak melaksanakan dengan baik.

Buku yang berjudul *Introduction to Business 11th Edition* yang dihasilkan oleh Pride, Hughes dan Kapoor menjelaskan bahawa pengurusan adalah proses menyelaraskan manusia dan sumber lain untuk mencapai matlamat organisasi. Kebanyakan organisasi menggunakan empat jenis sumber iaitu bahan, manusia, kewangan dan maklumat.

Tahap Pengurusan

Willian J. Byner dalam penulisannya yang berjudul *Management and the arts, 3rd edition* (2003) berkata bahawa tahap pengurusan peringkat operasi pengurusan adalah berkenaan dengan proses sehari- hari untuk mendapatkan kerja

yang dilakukan. Sebagai contoh; Set perlu dibina, pengawal muzium harus menjalankan tanggungjawab mereka, jadual latihan mesti diposkan, pembaharuan keahlian mesti diposkan, dan *box office* mesti menjual tiket.

Peringkat operasi adalah penting untuk merealisasikan matlamat dan objektif organisasi. Tanpa pengurusan operasi yang cekap dan produktif, organisasi pasti menghadapi kepupusan. Peringkat pengurusan sering dikatakan sebagai pengurusan pertengahan, kerana ia menyelaras operasi dan bertindak sebagai jambatan antara peringkat operasi dan strategik pengurusan. Sebagai contoh, lembaga pengarah dan pengarah seni syarikat teater atau tarian meminta pengurus pengeluaran untuk menilai kesan menambah musim melawat jadual syarikat. Jika pelan itu dilaksanakan, pengurus pengeluaran akan mempunyai tugas menyelaraskan jadual, bahan-bahan, dan orang-orang yang diperlukan untuk memulakan program atau aktiviti. Peringkat pengurusan biasanya berfungsi dalam kitaran perancangan satu hingga dua tahun di dalam organisasi. Perancangan juga boleh melanjutkan ke masa depan sebanyak tiga hingga lima tahun, atau lebih. Pengarah seni, pengurus besar, ketua pengarah, pengarah urusan, pengarah pemasaran atau lain-lain kakitangan peringkat kanan yang sama dikaitkan dengan peranan ini.

Di samping itu, pengurus strategik biasanya membentangkan rancangan-rancangan jangka panjang kepada lembaga pengarah. Dalam kebanyakan kes lembaga luar negara akhirnya misi dan tujuan organisasi. Jenis-jenis Pengurus Seni telah melibatkan jenis unik pengurus untuk menjadikan organisasi kerja. Jenis-jenis